


# 100 ekor paus sirip pendek mati terdampar di New Zealand

54 26/11/2020 m/s 33

**WELLINGTON** - Sekurang-kurangnya 100 ekor paus sirip pendek dan ikan lumba-lumba *bottlenose* mati selepas terdampar di sebuah kepulauan terpencil di Pulau Chatham, kira-kira 800 kilometer dari timur pantai New Zealand.

Sebilangan besar haiwan itu terdampar sejak Ahad lalu dan usaha menyelamat dikatakan bergerak perlahan susulan kedudukan kawasan terletak jauh di kawasan pelamatan.



Puluhan ikan paus sirip pendek dan lumba-lumba mati di pantai New Zealand. - Agensi

Menurut Jabatan Peliharaan New Zealand (DOC), sejumlah 97 paus

sirip pendek dan tiga ikan lumba-lumba mati terkandas dan pihaknya masih

mencari punca sebenar kejadian itu.

"Hanya 26 ekor paus sirip pendek masih hidup ketika ini dan sebilangan besar ikan itu kelihatan lemah susulan laut bergebara dan kemungkinan terdapat jerung putih sehingga membawa ikan itu terdampar di pantai ini," kata peninjau biodiversiti DOC, Jemma Welch.

Pada tahun 1918, kira-kira 1,000 ekor ikan paus pernah dilaporkan terdampar di Pulau Chatham. - Agensi.